



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **PROGRAM NUR RAMADAN LABUAN RAIKAN WARGA YANG KURANG BERKEMAMPUAN**

**LABUAN, 14 April 2022** – Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama Perbadanan Labuan (PL) menganjurkan Program Nur Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan bagi Tahun 2022/1443H dengan semangat kebersamaan dan berganding bahu. Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim pada hari ini menyantuni golongan asnaf di Labuan dan seterusnya menyertai para jemaah menunaikan solat maghrib, isyak dan tarawih berjemaah di Masjid Sultan Muhammad V, WP Labuan.

Seramai 700 orang penerima bantuan di WP Labuan yang terdiri daripada anak-anak yatim, warga emas, ibu tunggal, OKU dan mereka yang kurang berkemampuan menerima sumbangan wang tunai RM150.00 dari KWP melalui sumbangan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada hari ini. Dalam majlis yang sama, mereka juga turut menerima sumbangan barang keperluan seperti periuk nasi, beras dan kurma melalui Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

Penganjuran Program Nur Ramadan ini dilaksanakan secara kerjasama di antara KWP, PL, MAIWP, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), YWP dan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP). Program ini bertujuan menyantuni golongan yang memerlukan disamping memupuk nilai kasih sayang dalam kalangan komuniti Wilayah Persekutuan Labuan di bulan Ramadan serta memperkuuh dan memperkayakan interaksi antara pihak Kerajaan.

Secara keseluruhan Program Nur Ramadan kali ini, seramai 2,500 penerima sumbangan menerima bantuan wang tunai yang melibatkan peruntukan sebanyak RM375,000.00 di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Pihak KWP juga turut menyumbangkan wang tunai berjumlah RM519,500 kepada semua 824 masjid, surau jumaat dan surau di seluruh Wilayah Persekutuan bagi mengimarahkan suasana Ramadan.

Diharapkan majlis ini dapat mengeratkan ukhuwah, perasaan kasih sayang dan persaudaraan yang teguh dalam diri setiap individu di Wilayah Persekutuan kerana Agama Islam mengajak manusia supaya bersatupadu, berkeluarga dan mengukuhkan hubungan silaturrahim agar Wilayah Persekutuan terus maju dan sejahtera dalam keadaan yang aman dan damai selari dengan Aspirasi Keluarga Malaysia.

**Disediakan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**  
**14 April 2022**